

Soalan No: 86

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]****TARIKH : 3.8.2017****SOALAN :**

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan masih dalam perancangan untuk menutup Maktab Perguruan Rajang (IPG Kampus Rajang) di Bintangor, Sarawak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Rajang, Sarawak adalah termasuk dalam senarai Sembilan (9) IPG dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 untuk ditukar fungsi menjadi Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Asas pertimbangan pemilihan IPG Kampus untuk ditukar fungsi adalah keperluan dan keupayaan untuk melaksanakan latihan perguruan dengan kampus-kampus IPG yang dikekalkan fungsinya. Perkara yang diambil kira adalah seperti berikut:

1. jumlah kapasiti bagi menampung unjuran enrolmen IPG berdasarkan unjuran keperluan guru sekolah rendah;
2. kekuatan kampus berkenaan dari segi:
  - a. telah dikenali kepakaran dan pengkhususan dalam bidang tertentu;
  - b. ekosistem untuk menyokong tawaran bidang-bidang pengajian tertentu; dan
  - c. sejarah dan peranan yang dimainkan untuk komuniti setempat.
3. kesesuaian lokasi geografi; dan
4. memerlukan pelaburan yang minimum.